

TEKS UCAPAN  
BRIG. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN  
KARNIVAL DEBAT PIALA NAIB CANSELOR KALI KE-10

TARIKH: 9 OGOS 2010  
MASA: 8.00 PM  
TEMPAT: DEWAN RESITAL

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum w.b.t, Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

*Salutation*

Terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadirat Allah s.w.t kerana dengan limpah berkat dan keizinan daripada-Nya, dapatlah kita bersama-sama di majlis **perasmian penutupan Karnival Debat Piala Naib Canselor** yang diadakan buat kali yang ke-10 ini. Syabas dan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa yang bertungkus-lumus bagi memastikan Karnival Debat ini diadakan dengan jayanya. Sudah pasti pelbagai dugaan menjadi pencabar fizikal dan mental para ahli jawatankuasa untuk memastikan kelangsungan program. Namun, tiada apa yang menjadi peluntur semangat mahasiswa dan mahasiswi kita untuk memberikan yang terbaik dalam setiap perkara yang dilakukan.

Para hadirin sekalian,

Saya di fahamkan program ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari setiap kolej kediaman. Saya percaya, semua kolej

kediaman pastinya telah memilih wakil terbaik untuk menyertai pertandingan ini bagi mengharumkan nama kolej kediaman masing-masing.

Walaupun Pertandingan Debat Piala Naib Canselor ini telah diadakan buat kali yang ke-10, melihat kepada penyertaan yang memberangsangkan ini menunjukkan bahawa komitmen para mahasiswa UMS dalam medan perdebatan ini sangat menggalakkan. Usaha gigih setiap peserta untuk mengharumkan nama kolej kediaman yang diwakili harus dipuji kerana mereka telah melakukan yang terbaik demi kolej kediaman masing-masing.

Sebagai makluman para hadirin sekalian, antara objektif utama program ini dianjurkan adalah untuk mengeratkan silaturrahim yang sedia terjalin di kalangan penghuni kolej-kolej kediaman. Usaha murni ini telah membuah hasil apabila kita dapat melihat komitmen penghuni kolej kediaman untuk sama-sama menyokong wakil dari kolej kediaman mereka. Dalam proses menempatkan UMS sebaris dengan pendebat-pendebat IPT yang lain, maka pertandingan seperti ini juga dilihat sebagai medan terbaik yang dapat mengasah bakat-bakat baru di kalangan mahasiswa UMS.

Selain itu, Pertandingan Debat Piala Naib Canselor ini adalah satu wadah melahirkan mahasiswa dan mahasiswi UMS yang lebih berani untuk berkomunikasi di khalayak ramai. Keberanian untuk berkomunikasi ini sangat penting dalam pasaran kerja pada masa kini. Melalui pertandingan ini juga, kita dapat mencungkil idea-idea baru daripada isu yang diperdebatkan serta dapat menambah pengetahuan baru.

Para hadirin sekalian,

Melihat kepada isu perdebatan kita pada malam ini menunjukkan kematangan pemikiran mahasiswa di UMS dalam mengupas sesuatu isu semasa. Ini sesuatu yang sangat diperlukan dalam merealisasikan aspirasi universiti bagi melahirkan graduan yang berdaya saing dan daya kepimpinan yang tinggi. Sehubungan itu, aktiviti-aktiviti sebegini sangat digalakkan demi melahirkan mahasiswa UMS yang berketerampilan dalam segala bidang yang diceburi. Usaha menganjurkan program-program berilmiah seperti ini harus dipergiatkan untuk melahirkan mahasiswa yang benar-benar bersedia apabila memasuki alam pekerjaan kelak.

Para hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada Kolej Kediaman Anugerah Bestari kerana berjaya menganjurkan program ini. Tahniah atas komitmen dan semangat kerja yang tinggi untuk menganjurkan Pertandingan Debat Piala Naib Canselor kali ke-10 ini. Usaha-usaha murni ini harus diteruskan demi menaikkan nama Universiti Malaysia Sabah agar terus berdiri gagah sebagai Pusat Gedung Ilmu yang unggul di negeri ini. Kepada pasukan yang menang, syabas dan tahniah diucapkan. Bagi yang tidak bernasib baik, tidak bermakna anda gagal. Tingkatkan usaha demi mencapai kejayaan.

Maka saya dengan lafaz Bismillahir Rahmannir Rahim merasmikan Majlis Penutupan Karnival Debat Piala Naib Canselor Kali Ke-10.

Sekian, Terima Kasih.